**PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)**
**KERTAS KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA SEBUT HARGA BIL. 14/2024**
**5 JULAI 2024 I 3.30 PETANG I BILIK PERDANA 1**

| BIL. | PERKHIDMATAN | NILAI PERKHIDMATAN | PEMBEKAL YANG BERJAYA |
|---|---|---|---|
| | **KERTAS TAWARAN SEBUT HARGA** | | |
| 1. | **Kertas (SH) 12/2024:**<br><br>**PAKEJ MESYUARAT BAGI PROGRAM SESI PEMBANGUNAN STRATEGI DAYA SAING NEGARA 2024**<br><br>**PIC: SHANTHINI TAMADORAM** | **RM 141,912.00** | **MOVENPICK HOTEL & CENVENTION CENTRE KLIA** |
| 2. | **Kertas (SH) 13/2024:**<br><br>**PERKHIDMATAN MENCUCI SERTA MEMBERSIH BANGUNAN MPC PETALING JAYA DAN MPC MENARA MATRADE**<br><br>**PIC: MOHAMMAD AFDHAN FAUZI** | **RM 75,600.00** | **MD DAHLIA (M) SDN BHD** |

Keputusan Mesyuarat telah dipersetujui oleh:

(______________________________)
Dr. Mohamad Norjayadi Tamam
Pengerusi

(______________________)
Zaffrulla Hussein
Ahli

(______________________)
Dr. Halimahton Sa'diah Let
Ahli

| | **KERTAS MAKLUMAN UNTUK DIPERAKUKAN** |
|---|---|
| | **PERKARA** |
| **3.** | **<u>KM 13/2024 – MAKLUMAN PERKHIDMATAN MENCUCI DAN MEMBERSIH BANGUNAN DI MPC WILAYAH UTARA</u>**<br><br>1. Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga MPC Bil. 13/2024 pada 26 Jun 2024 telah meluluskan pelantikan Syarikat Pembinaan Rosha untuk Perkhidmatan Mencuci Dan Membersih Bangunan Kompleks Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Utara, Kepala Batas, Seberang Perai Utara dengan nilai perolehan berjumlah RM330,960.00.<br>2. Walau bagaimanapun, MPC Wilayah Utara telah membuat rundingan harga bersama pihak syarikat pada 27 Jun 2024 (9.00-10.00 pagi), pihak syarikat bersetuju menurunkan harga daripada RM13,790.00 sebulan kepada RM13,740.00 sebulan (pengurangan sebanyak RM50.00 sahaja). Nilai keseluruhan kontrak bagi tempoh dua (2) tahun berkurang dari RM330,960.00 kepada RM329,760.00 (pengurangan sebanyak RM1,200.00).<br>3. Pihak Syarikat juga tidak dapat memberikan lebih banyak pengurangan disebabkan peningkatan kos cucian wax lantai. Hasil sesi rundingan harga dengan pihak pembekal tersebut, pihak Syarikat akan menanggung sepenuhnya bayaran kerja lebih masa (OT) pada hari cuti umum dan cuti hujung minggu tanpa membuat tuntutan bayaran kepada MPC. Langkah ini menunjukkan komitmen Syarikat untuk mengurangkan beban kewangan MPC dan memastikan perkhidmatan terus berjalan lancar walaupun pada hari cuti.<br>4. Syarikat juga telah bersetuju untuk menanggung kos bagi perkhidmatan meracun rumput, yang merangkumi kos pembelian racun dan kos upah pekerja, bagi keseluruhan longkang yang berada di sekeliling bangunan NRO. Selain itu, syarikat akan membekalkan uniform baharu kepada semua pekerja pada setiap tahun tanpa kos tambahan kepada MPC. Langkah ini bertujuan untuk memastikan pekerja sentiasa kelihatan kemas serta meningkatkan semangat kerja mereka.<br>5. Berdasarkan penjimatan yang diperoleh melalui pengurangan harga kontrak dan inisiatif tambahan yang ditanggung oleh Syarikat, PIC mengesyorkan agar bajet yang diperlukan untuk pelantikan ini diluluskan. Perubahan dan penambahbaikan ini bagi memastikan perkhidmatan yang lebih baik dan menyeluruh untuk bangunan Kompleks Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Utara.<br>6. Mesyuarat ambil maklum berhubung pengurangan kos dari pembekal sebanyak 0.4% (RM1,200).<br><br>**PIC: MOHD AMIROL MD KHAIR** |

Keputusan Mesyuarat telah dipersetujui oleh:

(______________________________)
Dr. Mohamad Norjayadi Tamam
Pengerusi

(______________________)
Zaffrulla Hussein
Ahli

(______________________)
Dr. Halimahton Sa’diah Let
Ahli

**KERTAS MAKLUMAN UNTUK DIPERAKUKAN**

**PERKARA**

**4.**

KM 14/2024 – PELANTIKAN PEMBEKAL SECARA RUNDINGAN TERUS BAGI PEMBAHARUAN LANGGANAN APLIKASI CONVENE SELAMA SETAHUN

1. Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) MPC Bil. 12/2024 telah menolak permohonan untuk memperbaharui langganan 40 unit lesen aplikasi Convene selama setahun dengan jumlah RM91,368. Pengerusi memohon pertimbangan semula dan alternatif lain berkaitan penggunaan aplikasi ini dalam pengurusan mesyuarat tertinggi MPC.
2. Pembekal telah dihubungi dan sebut harga yang ditawarkan bagi 25 dan 30 unit lesen berbanding 40 unit asal adalah seperti berikut:

| Bil. | Perkara | 40 lesen | 30 lesen | 25 lesen |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Lesen Pengguna - RM2,350/*user* | RM84,600 (36 lesen + 4 percuma) | RM63,450 (27 lesen + 3 percuma) | RM54,050 (23 lesen + 2 percuma) |
| 2 | *Helpdesk support* | Percuma | Percuma | Percuma |
| 3 | Latihan untuk Pentadbir Sistem dan Sekretariat | Percuma | Percuma | Percuma |
| 4 | Latihan untuk Lembaga Pengarah | Percuma | Percuma | Percuma |
| 5 | SST 8% | RM6,768 | RM5,076 | RM4,324 |
| JUMLAH | | RM91,368 | RM68,526 | RM58,374 |

3. PIC memohon mempertimbangkan cadangan untuk memperbaharui langganan aplikasi *Convene* selama setahun bagi 25 atau 30 unit lesen pengguna.
4. Mesyuarat ambil maklum berhubung kos baharu dan kaedah pembelian terus boleh dilaksanakan.

**PIC: SITI SYAFIQAH AHMAD**

Keputusan Mesyuarat telah dipersetujui oleh:

(____________________________)
Dr. Mohamad Norjayadi Tamam
Pengerusi

(______________________)
Zaffrulla Hussein
Ahli

(______________________)
Dr. Halimahton Sa'diah Let
Ahli

| | |
|---|---|
| | **KERTAS MAKLUMAN UNTUK DIPERAKUKAN** |
| | **PERKARA** |
| **5.** | **<u>KM 15/2024 – MAKLUMAN MEMUKTAMADKAN HASIL RUNDINGAN HARGA LANTIKAN PEMBEKAL BAGI PERKHIDMATAN ADVERTORIAL DI DALAM SURAT KHABAR</u>**<br><br>1. Mesyuarat Lembaga Pengurusan telah meluluskan permohonan peruntukkan bajet pembangunan berikut untuk pembiayaan advertorial di dalam akhbar - FORE (Mesyuarat BOM Bil 1020/1/2024 bertarikh 3 Jun 2024) berjumlah RM185,000.00 dan TWIP (Mesyuarat BOM Bil 0227/2024 bertarikh 6 Jun 2024) berjumlah RM70,000.00.<br>2. Mesyuarat Jawatankuasa Rundingan Harga (JRH) telah dibuat dengan pihak pembekal iaitu Media Prima Omnia Sdn. Bhd. pada 5 Julai 2024. Mesyuarat ini bertujuan untuk membuat rundingan harga bagi kos yang ditawarkan oleh pembekal bagi perkhidmatan advertorial di dalam surat khabar. Hasil rundingan tersebut, pembekal telah bersetuju untuk mengurangkan kos dan memberikan perkhidmatan tambahan (value added services).<br>3. Harga yang dipersetujui adalah 226,800.00 (termasuk 8% SST). Perkhidmatan tambahan (value added services) yang ditawarkan oleh Media Prima Omnia Sdn. Bhd. kepada MPC adalah 1 slot advertorial half page Harian Metro bernilai RM69,264.00 dan 1 slot advertorial half page NST bernilai RM63,120.00.<br>4. Tambahan perkhidmatan (value added services) dengan pengurangan kos ini telah memberikan keuntungan kepada kerajaan dan MPC selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan ((PP)/PK7.16)<br>5. PIC ingin memaklumkan dan memohon pertimbangan serta kelulusan Jawatankuasa Sebutharga MPC memuktamadkan hasil rundingan harga yang telah diberikan oleh pembekal bagi melaksanakan perkhidmatan ini.<br>6. Mesyuarat ambil maklum berhubung pengurangan kos dari pembekal sebanyak 9% (RM22,680.00).<br><br>**PIC: NOOR IZZATI KAMIS** |

Keputusan Mesyuarat telah dipersetujui oleh:

(____________________________)
Dr. Mohamad Norjayadi Tamam
Pengerusi

(______________________)
Zaffrulla Hussein
Ahli

(______________________)
Dr. Halimahton Sa'diah Let
Ahli